

13 JAN 1996

PM AKAN LANCAR TALIAN MAKLUMAT UTUSAN MALAYSIA MELALUI INTERNET

PULAU PINANG, 13 Jan (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan melancarkan Utusan Malaysia On Line - Talian Maklumat (WEB) menerusi Internet Rabu depan.

Majlis itu akan diadakan bersama-sama pelancaran Berita Mingguan Massa yang berkonsepkan ilmiah, kata Timbalan Ketua Pengarang kumpulan akhbar itu, Encik Khalid Mohamed.

Semasa berucap merasmikan perkhemahan Bukit Panchor anjuran Kem Remaja Utusan di Nibong Tebal di sini hari ini, beliau berkata sejak diperkenalkan pada 28 Okt lepas, pembaca Utusan Malaysia On Line paling ramai terdiri daripada pelajar Malaysia yang menuntut di Amerika Syarikat, pengguna Internet di negeri ini serta para pembaca di England.

Sehingga kini lebih 500,000 orang telah melihat dan membaca akhbar Utusan melalui perkhidmatan itu, katanya.

Perkhidmatan itu bukan sahaja memaparkan teks serta beberapa keping gambar tetapi mempunyai reka letak yang hampir sama dengan akhbar biasa, lengkap dengan berita, gambar dan grafik. -- Bernama.